

Headline	Berbasikal jelajah lokasi menarik		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	07 Jun 2020	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	56,027
Page No	P43	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	307 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,166
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,498



## Berbasikal jelajah lokasi menarik

**Berbasikal** aktiviti digemari individu sejak kebelakangan ini dan sesetengahnya mengembara serta menjelajah lokasi tertentu untuk menikmati alam semula jadi.

Anda boleh menjelajahi kawasan yang kurang dikunjungi ramai, berhenti di kawasan yang tidak mempunyai perkhidmatan pengangkutan awam, mengembara ke kawasan perkampungan, bermesra dengan penduduk tempatan dan menikmati perjalanan dari perspektif berbeza.

Lebih menarik, berbasikal adalah pengangkutan yang murah dan mesra alam.

Malah ada laluan dipenuhi cabaran yang berbukit-bukau, di samping menikmati laluan yang indah dan damai di beberapa tempat yang tidak pernah dikunjungi. Ia adalah pengalaman pengembaraan hebat.

### Laluan kayuhan menarik di Malaysia

Dari pantai yang indah hingga ke bandar bersejarah, antara pelbagai destinasi boleh diterokai dengan berbasikal.

Contohnya, melawat Pulau Pinang sambil menambah ilmu, singgah nikmati makanan lazat seperti pasembor, mi udang dan nasi kandar pasti puas hati.

Lazimnya, Ahad, anda bebas berbasikal di Georgetown. Sesuai teroka kawasan warisan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) di negeri itu.

Rasai hembusan bayu laut ketika berkayuh melalui jeti, mengikuti jejak warisan Georgetown dan menyaksikan keindahan seni bina Peranakan dan lukisan jalanan ikonik.

Malah, jika di Kiulu, Sabah ada

lokasi menyeberangi jambatan gantung, kemudian kunjungi perkampungan di tepi sungai dan melihat kaum dusun di situ, pasti menarik.

Di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Selangor pula anda boleh memilih laluan berbasikal dan adalannya terserempak dengan penyelidik yang sedang bertugas atau berpeluang untuk melihat kesan peninggalan kampung Orang Asli di sana.

**Alami keindahan desa di Kiulu dengan menyeberangi jambatan gantung dan mengunjungi perkampungan di tepi sungai.**



**Pilih laluan berbasikal** mengikut kebolehan anda, sama ada yang mudah atau mencabar di FRIM, Selangor.

★